

12 AUG 1999

Mahathir-Pas

PAS PENTINGKAN UNDI DARIPADA ISLAM, KATA MAHATHIR

KUALA PILAH, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS lebih mementingkan undi daripada perjuangan Islam yang cuba ditonjolkan kepada rakyat negara ini.

Beliau berkata, PAS sanggup menggugurkan matlamatnya untuk menegakkan negara Islam kerana DAP yang akan terbabit dalam pakatan pembangkang, menolak dengan keras matlamat itu.

"PAS akur ikut Karpal Singh, ikut Chen Man Hin, ikut Lim Kit Siang, kerana apa tuan puan, kerana nak undi. Itulah perjuangan Pas kepada agama Islam yang terhad kepada mendapat undi," katanya ketika berucap merasmikan tapak Sekolah Menengah Agama Kuala Pilah di Selaru dekat sini petang ini.

Katanya, kalau tidak mendapat undi tidak berkawan, bermusuh.

"Dengan orang-orang Umno mereka bermusuh kerana mereka tidak boleh mendapat undi daripada orang Umno, dengan orang DAP mereka berkawan kerana mereka harap DAP akan memberi sedikit undi kepada mereka.

"Orang Umno pula apabila mereka tersingkir daripada parti maka orang Umno yang dahulu mereka musuhi, sekarang ini diterima sebagai kawan dan rakan mereka.

"Demikian juga parti yang dinamakan Keadilan, apakah yang adil sangat dengan parti ini. Kalau seseorang itu bersalah dia mesti dianggap salah, mengatakan bahawa seorang itu tidak salah bukan keadilan tapi kezaliman.

"Kita tidak boleh menentukan orang itu salah atau tidak, ada badan asing tertentu kehakiman kita akan menentukan seseorang itu salah ataupun tidak.

"Kalaulah kita diberi kuasa untuk menentukan salah atau tidaknya kawan kita, tentulah kita akan berkata dianya tidak bersalah dan itu bermakna kezaliman bukan keadilan kerana kita menjatuhkan hukum yang tidak kena kepada tempatnya, tetapi parti Keadilan ini ditubuh kononnya untuk membela keadilan," katanya.

Perdana Menteri berkata, parti Keadilan ini adalah pacuan orang asing kerana orang asing tidak senang dengan kerajaan kita sekarang kerana kita tidak tunduk kepada mereka, kita tidak rela mereka datang ke Malaysia untuk menguasai kita sebab itu akhbar dan media asing bahkan naib presiden sebuah negara besar datang ke Malaysia untuk menyuruh rakyat Malaysia menjatuhkan kerajaan.

"Orang asing ingin menjatuhkan kerajaan ini kerana mereka tidak senang dengan kerajaan ini, mereka nak pemimpin parti Keadilan menjadi Perdana Menteri.

"Tanya kepada diri kita apakah sebab orang asing hendak pemimpin parti Keadilan ini. Apakah sebab kebaikan Malaysia atau pun kebaikan mereka daripada negara-negara penjajah tadi," katanya.

Menurutnya penjajah tidak pernah memberi sumbangan kepada kita kerana yang membangunkan negara kita ialah kita sendiri tanpa pertolongan daripada mereka.

"Yang menyelamatkan negara kita daripada serangan penyangak mata wang adalah juga kita sendiri bukan orang asing ini. Orang asing tidak senang dengan tindakan kita dan mereka hendak satu pemimpin yang lebih senang menerima arahan mereka daripada pemimpin yang menentang mereka.

"Sebab itu keadilan diberi sokongan 100 peratus oleh kuasa asing dan media asing. Kalau kita terima orang ini bermaknalah kita terima penguasaan politik negara kita oleh kuasa asing, apakah kita rela. Kita tidak rela penjajah menguasai politik negara kita, menentukan siapa menjadi pemimpin

kita.

"Yang berhak menentu siapa yang akan menjadi pemimpin kita ialah rakyat kita sendiri," katanya.

Beliau berkata, kita akan mengadakan pilihan raya dan kita akan serah kuasa balik kepada rakyat dan rakyat Malaysia sahaja yang akan menentukan siapa yang akan memerintah selepas pilihan raya, bukan Al-Gore ataupun mana-mana pihak.

"Saya nak minta kepada tuan puan tolong tanya kepada mereka, apakah kamu sanggup jual negara kita ini kepada orang asing? Kenapakah kamu begitu fanatik kepada pemimpin kamu, kenapakah kamu menolak kepada ajaran agama Islam yang sebenar, kenapakah kamu berkata tuhan mencarut, tanya kepada mereka...tanya Nik Aziz," katanya.

Beliau meminta penyokong PAS balik dan fikir semula, jangan terlalu fanatik dan taksub kerana tuhan tidak suka kepada orang yang taksub dengan sesuatu.

Katanya, kumpulan ini dinamakan kumpulan Asabiyah kerana mereka terlalu sangat memegang kepada sesuatu sehingga mereka tidak mengambil kira benar atau tidak, betul atau tidak, mereka hanya turut seperti mana kita lihat anak itik turut ibunya, mereka tidak fikir, mengikut saja ibu, kalau ibu jatuh dalam gaung dia pun terjun sama.

"Penyokong PAS akan terjun dalam gaung kalau mereka tidak tolak parti PAS, demikian juga dengan Keadilan. Sebaliknya sokong Barisan Nasional (BN) dan kita akan dapat memberi kemudahan-kemudahan pelajaran, pelajaran agama dan pelajaran-pelajaran ilmu yang lain yang tidak kurang pentingnya kepada umat Islam.

"Jangan fikir bahawa hanya dengan kita pelajari dalam bidang agama sahaja yang membuktikan kuatnya Islam kita kerana orang lain juga mempunyai peranan dalam masyarakat Islam," katanya.

-- BERNAMA

rp RI